

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : HAK MILIK STRATA

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bangunan yang masih belum memperolehi hak milik strata mengikut daerah.
- b) Nyatakan faktor utama yang melambatkan proses pengeluaran hak milik strata.
- c) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap isu tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Kinrara, jumlah skim pembangunan yang telah memperolehi hak milik strata adalah sebanyak 8,851 skim yang melibatkan sejumlah 525,025 hak milik secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, siasatan oleh pihak PTGS mendapati bahawa terdapat 276 skim pembangunan yang layak mengemukakan permohonan, tetapi pihak pemaju atau pemilik tanah masih belum mengemukakan permohonan bagi memperolehi hak milik strata. Di samping itu juga, PTGS sedang menyemak status 849 skim pembangunan lagi bagi menentukan sama ada layak untuk membuat permohonan hak milik strata.

Statistik skim pembangunan yang belum mempunyai hak milik strata mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH SKIM	BELUM MEMOHON STRATA	MASIH DALAM SIASATAN
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	227	10	20
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	212	17	169
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	284	28	134
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	269	60	38

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH SKIM	BELUM MEMOHON STRATA	MASIH DALAM SIASATAN
5	Majlis Perbandaran Kajang	306	38	100
6	Majlis Perbandaran Klang	258	24	72
7	Majlis Perbandaran Selayang	310	10	222
8	Majlis Perbandaran Sepang	299	59	45
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	86	26	11
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	0	2
11	Majlis Daerah Kuala Langat	35	4	29
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	19	0	7
	JUMLAH BESAR	2,307	276	849

- b) Di antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan proses pengeluaran hak milik strata adalah:
- i. Urusan tanah yang belum diselesaikan, sebagai contoh, tanah belum disatukan atau di pecah sempadan, premium yang masih belum diselesaikan, dan tanah yang masih berstatus hak milik sementara
 - ii. Bangunan yang tiada CF (Sijil Kelayakan Menduduki) atau CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan), dan bangunan yang dibina terlebih dari sempadan lot
 - iii. Pemilik atau pemaju yang telah mempunyai masalah kewangan, atau telah digulung dan masih di dalam tindakan *insolvensi*
- c) Di dalam usaha untuk menjaga kebajikan rakyat dan meneraju inisiatif “Peduli Rakyat”, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah pun mengambil beberapa tindakan proaktif dengan mengadakan aktiviti “turun padang” dari semasa ke semasa secara giatnya.

Inisiatif ini dapat membantu meningkatkan kesedaran pihak pemilik hartanah, pemaju dan juga pihak-pihak berkepentingan lain tentang kepentingan dokumen hak milik strata serta kepentingan pengurusan strata yang efektif.

Aktiviti seperti mesyuarat dan perjumpaan bersama pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah diadakan dan sejumlah 209 skim telah terlibat di dalam aktiviti ini, di mana secara tidak langsung telah membantu dalam peningkatan permohonan hak milik strata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : AJARAN SESAT DI SELANGOR

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana JAIS dan MAIS berjaya membanteras ajaran sesat di Selangor. Nyatakan.
- b) Senaraikan ajaran-ajaran sesat di Selangor yang masih aktif.
- c) Di antara yang tersenarai tersebut nyatakan yang boleh mengancam ketenteraman awam atau berbahaya.

JAWAPAN:

- a) Setakat ini terdapat lebih kurang 39 ajaran, amalan dan fahaman yang menyeleweng dan sesat telah difatwakan di negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut hanya 19 ajaran direkodkan masih aktif. Sepanjang tahun 2017, Kerajaan Negeri merekodkan sebanyak 246 tangkapan, berbanding tahun 2016 yang mencatatkan 31 tangkapan dan 75 tangkapan pada tahun 2015. Sebagai negeri yang dihuni oleh masyarakat dari pelbagai negeri dan rakyat asing, usaha membanteras ajaran seumpama ini mengambil masa yang lama dan memerlukan kerjasama berterusan pelbagai pihak seperti yang telah dilaksanakan sekarang.

b) Senarai ajaran-ajaran sesat di Selangor yang masih aktif adalah seperti berikut:

BIL	NAMA AJARAN/ PEMIKIRAN/AMALAN	ELEMEN KESALAHAN	TARIKH FATWA	TARIKH WARTA
1.	Golongan Anti Hadis	6	07.10.1995	23.11.1995
2.	Ajaran Qadiani / Ahmadiyah	7	25.11.1975 22.06.1998	17.08.2000 (Diwarta selepas pinda)
3.	Fahaman Syiah	26	19.01.1998	17.10.2013 (pindaan)
4.	Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama	9	06.06.2013	31.07.2014
5.	Hizbut Tahrir	7	04.02. 2014	17.09.2015
6.	Ajaran Islam Jamaah	11	12.02.1998	24.09.1998
7.	Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia (NII)	10	14.10.2009	16.03.2011
8.	Ajaran Millah Abraham	8	20.08.2014	17.09.2015
9.	Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit	8	28.03.1991	24.09.1998
10.	Al-Arqam / Rufaquo'	21	12.07.1994	04.02.1993 (Warta) 11.08.1994 (Pindaan) 21.12.2006 (Pindaan)
11.	Ajaran Azhar Bin Wahab (Ajaran Al-Mansur)	23	10.06.2003	07.10.2004
12.	Ajaran Ilmu Makrifat Dan Mengenal Diri Peninggalan Tok Kenali Kelantan Oleh Shaari Bin Yusof	6	08.04.2014	(Proses Pewartaan)

BIL	NAMA AJARAN/ PEMIKIRAN/AMALAN	ELEMEN KESALAHAN	TARIKH FATWA	TARIKH WARTA
13.	Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati	3	02.11.2010	07.07.2011
14.	Pembedahan Batin	5	10.10.2013	-
15.	Tarekat Naqsyabandiah Al-Aliah Syeikh Nazim Al-Haqqani	3	12.05.2009	-
16.	Tarekat Naksyabandiyah Kadirun Yahya	8	03.08.1995	14.09.1995
17.	Tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol	16	19.01.1998	24.09.1998
18.	Aurad Ismailiah (Mahmud Bin Hj. Abd. Rahman)	12	16.09.1995	23.11.1995
19.	Kumpulan Militan <i>Islamic State (IS)</i>	11	11.08.2015	03.02.2016

c) Di antara ajaran yang boleh mengancam ketenteraman awam atau berbahaya adalah:

i. Aliran Pemikiran Liberal

Menimbulkan kecelaruan dalam hal-hal agama dengan memperjuangkan hak asasi manusia berdasarkan prinsip humanisme, menolak autoriti ulama dan institusi agama, meletakkan kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan membebaskan manusia dari sebarang kawalan.

ii. Ajaran Syiah

Menimbulkan perpecahan dalam masyarakat Islam dengan menolak prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dominan di Selangor.

iii. Ajaran Millah Abraham

Menjalankan usaha mendirikan negara baru dan menghasut ahli untuk melakukan apa jua tindakan bagi mencapai objektif pembawa ajaran, meskipun bertentangan dengan undang-undang dan norma bermasyarakat.

iv. Kumpulan Militan *Islamic State (IS)*

Mempromosi ideologi Salafi Jihadi serta merekrut anggota untuk aktiviti keganasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KEBAJIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar kemiskinan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor, untuk bandar dan luar bandar?
- b) Kemiskinan di Selangor telah mencapai 0% pada 2016, apakah kayu ukur yang digunakan bagi mengukur pencapaian ini?
- c) Apakah program-program bantuan yang dilaksanakan sehingga matlamat ini tercapai, nyatakan?

JAWAPAN:

- a) Usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan. Untuk itu, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor yang diguna pakai oleh semua Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor yang menyelaras dan melaksanakan program bantuan adalah berjumlah RM1,500 seisi rumah bagi kedua-dua di bandar dan luar bandar. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2016 bertarikh 7 Disember 2016 bersetuju bahawa PGK Negeri Selangor dikekalkan pada paras RM1,500.00 seisi rumah. Terdahulu, PGK RM1,500 seisi rumah ini mula diguna pakai sejak tahun 2009 berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2009 pada 7 Januari 2009. PGK Selangor ini juga dilihat lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa berbanding dengan PGK Nasional iaitu RM930 seisi rumah (mulai tahun 2014).
- b) Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan "peduli rakyat". Kerajaan Negeri juga sentiasa menyediakan peluang saksama kepada semua rakyat untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi akan menghasilkan komposisi ekonomi yang seimbang dalam pekerjaan dan pemilikan perniagaan/ perusahaan tanpa mengira kaum, gender dan latar belakang.

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan. Konsep kemiskinan yang digunakan adalah mengambil kira PGK makanan dan PGK bukan makanan bagi setiap isi rumah. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan mereka kurang daripada nilai PGK yang diperlukan. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya.

Justeru itu, kayu pengukur yang digunakan bagi mengukur pencapaian ini adalah dari segi jumlah pendapatan isi rumah dan bilangan isi rumah di bawah PGK. Pengiraan kadar kemiskinan merangkumi kesemua isi rumah yang mempunyai pendapatan kasar bulanan di bawah PGK.

- c) Negeri Selangor bukan sahaja penyumbang utama kepada KDNK negara, bahkan sentiasa terkehadapan dan menjadi peneraju di kalangan negeri-negeri lain dalam menyediakan pelbagai inisiatif yang berpaksikan rakyat sebagai usaha membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Antara inisiatif tersebut adalah Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Terdiri daripada empat puluh dua (42) program, Program-program IPR merupakan usaha keras Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari dimensi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Antara Program-program IPR adalah seperti Rumah Selangorku, Skim DanaSel, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Program Peduli Siswa, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS serta pelbagai lagi.

Pengurangan insiden kemiskinan di Negeri Selangor yang dicatatkan hingga ke paras sifar pada tahun 2016 telah membuktikan bahawa program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah terbukti berjaya dalam memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : ORANG KURANG UPAYA (OKU)

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah OKU yang terdapat di Selangor?
- b) Senaraikan keistimewaan yang diberikan kepada OKU oleh Kerajaan Negeri?
- c) Nyatakan jumlah peruntukan khusus bagi membantu OKU di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga 15 Oktober 2017, terdapat seramai 69,216 Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pecahan statistik mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jumlah Pendaftaran
1	Petaling	19,046
2	Klang	12,341
3	Hulu Langat	12,323
4	Gombak	8,862
5	Kuala Selangor	3,930
6	Hulu Selangor	3,785
7	Kuala Langat	3,668
8	Sabak Bernam	2,945
9	Sepang	2,316
JUMLAH KESELURUHAN NEGERI SELANGOR		69,216

Sumber : Bahagian Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

b) dan c)

Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai keistimewaan dan program untuk dimanfaatkan oleh semua rakyat di Selangor tanpa mengira bangsa, kaum dan fahaman politik. Walau bagaimanapun, golongan orang kurang upaya (OKU) tetap merupakan golongan yang istimewa untuk menerima pelbagai manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor, sebanyak RM220,000.00 telah diperuntukkan bagi pelbagai program pemberdayaan dan pembangunan bagi golongan ini. Antaranya adalah Karnival Kerjaya dan Pemerksaan Ekonomi OKU yang baru sahaja dilaksanakan pada 14 dan 15 Oktober 2017 yang lalu. Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah menjadi sebagai platform antara golongan OKU dan majikan untuk memilih serta mendapatkan pekerjaan yang sesuai sekali gus dapat membantu golongan ini berdikari dalam mencari pendapatan dalam meneruskan kehidupan seharian. Kejayaan bagi program ini adalah apabila seramai 113 orang OKU telah Berjaya untuk menghadiri temu duga yang kedua oleh majikan-majikan terlibat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan keistimewaan kepada golongan OKU melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat seperti Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Peduli Sihat. Golongan OKU perlu berdaftar di mana-mana Pusat Khidmat Masyarakat bagi melayakkan mereka menerima manfaat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sehingga Oktober 2017, seramai 10,570 permohonan SMUE telah diterima daripada golongan OKU dan seramai 2,416 orang telah pun menerima manfaat dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM5.881juta. Manakala bagi Skim Peduli Sihat, seramai 8,329 OKU yang telah membuat permohonan dan akan menerima manfaat RM200.00 bagi setiap individu OKU yang berdaftar.

Bagi memastikan golongan OKU mendapat kemudahan dan hak yang sama rata dengan masyarakat normal, Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk mewujudkan Jawatankuasa Bebas Halangan OKU di peringkat Negeri Selangor yang bertujuan untuk memastikan setiap pihak berkuasa tempatan melaksanakan keperluan reka bentuk sejagat, mesra OKU khusus dalam projek pembangunan baru dan sedia ada di sekitar kawasan PBT masing-masing.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor pula, terdapat pelbagai bentuk bantuan kebajikan yang disediakan khusus kepada golongan OKU yang memerlukan. Antara bantuan yang disediakan adalah seperti berikut :-

1. Bantuan Kewangan - Elaun Pekerja Cacat

Bantuan sebanyak RM350 sebulan bagi OKU yang bekerja sebagai penyenggaraan pendapatan (*income maintenance*) serta insentif untuk menggalakkan OKU bekerja dan hidup berdikari.

2. Bantuan OKU Tidak Bekerja

Bantuan sebanyak RM200 sebulan kepada OKU yang tidak bekerja untuk membantu menyara kehidupan golongan OKU yang tidak berupaya untuk bekerja.

3. Bantuan Penjaga OKU Terlantar

Bantuan sebanyak RM300 sebulan kepada penjaga OKU sepenuh masa yang merupakan ahli keluarga OKU bagi membantu meringankan beban perbelanjaan penjagaan OKU terlantar.

4. Bantuan Kesihatan Sihat Selangor

Terdapat 5 jenis bantuan iaitu bagi merawat penyakit katarak, rawatan dialisis buah pinggang, pembedahan kecil, bantuan kaki palsu dan kos rawatan lain- lain di hospital-hospital kerajaan atau pembelian peralatan sokongan/alat tiruan seperti alat pendengaran, tongkat tangan, kalipers dan lain-lain yang disyorkan pegawai/pakar perubatan.

5. Bantuan Tongkat Putih “*White Cane*” dan Mesin *Braille*

Bantuan pembelian “*White Cane*” dan Mesin *Braille* bagi OKU cacat penglihatan.

6. Bantuan Perniagaan

Skim Pengembangan Usahawan oleh Hijrah Selangor menyediakan pinjaman sehingga RM50,000.00 bagi usahawan OKU yang ingin mengembangkan perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PEDULI SISWA

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah permohonan yang diterima dan jumlah yang berjaya mengikut kategori dan kaum masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan mengikut pecahan bangsa:

	Melayu	Cina	India	Jumlah
Permohonan diterima	3,574	53	55	3,682
Permohonan diluluskan	722	8	8	738

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN EKONOMI GOLONGAN BELIA

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bersetuju pengangguran dan kesempitan hidup golongan belia antara faktor utama perlakuan jenayah dalam masyarakat?
- b) *Sub-soalan telah di tolak.*
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menaikkan taraf hidup golongan belia di Selangor?

JAWAPAN:

a) dan c)

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memperkasakan belia di Selangor dan telah mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan peluang pekerjaan supaya golongan masyarakat memiliki sumber pendapatan sendiri sekaligus mengelakkan pengangguran dan kesempitan hidup golongan belia. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk menaik taraf hidup golongan belia di Selangor sebagaimana berikut :-

- i) Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan, telah menganjurkan satu program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan *Job Malaysia*. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 10,000 orang untuk mengisi 5,818 tawaran kekosongan jawatan. Program Karnival Kerjaya (Job Fair) ini juga telah diadakan di daerah-daerah seperti Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan sambutan yang menggalakkan dengan pengunjung yang melebihi 1000 orang setiap daerah.
- ii) Seterusnya, Kerajaan Negeri turut mengadakan program dan bantuan kepada belia bagi tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti berikut :-
 - a) Dana Usahawan Mikro Selangor;
 - b) Pameran/Ekspo ;

- c) Karnival/Festival Usahawan;
- d) Kursus/Latihan ;
- e) Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P); dan
- f) Program Hijrah Selangor

iii) Melalui program HIJRAH Selangor, pinjaman kewangan diberikan kepada golongan belia bagi memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut :-

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYARAN BALIK	
SKIM 1	3,000.00- 5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkeelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00- 10,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkeelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00- 20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00- 50,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

iv) Kerajaan Negeri juga turut menganjurkan Program Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi membantu golongan belia menjana pendapatan sendiri seperti program berikut :-

Bil	Program	Jenis Bantuan	Jumlah Usahawan
1	Perintis Usahawan	Bimbingan & Latihan	1,440
2.	Tunas Niaga	Bimbingan & Latihan	19,653
3	Kelab Permata Selangor	Bimbingan & Latihan	11,406
4.	GROW	Bimbingan & Latihan	163
JUMLAH KESELURUHAN USAHAWAN BELIA			32,662

- v) Kerajaan Negeri juga turut mengadakan Program Klinik Usahawan bagi memastikan belia usahawan sentiasa diberi latihan dan kursus bagi menjamin belia Selangor terus berjaya dalam bidang keusahawanan. Statistik program di bawah Program Klinik Usahawan adalah seperti jadual berikut :-

BIL	TAHUN	JUMLAH SEMINAR / BENGKEL / KURSUS/LAWATAN	JUMLAH PESERTA
1.	2013	18	995
2.	2014	14	798
3.	2015	20	843
4.	2016	17	589
JUMLAH		69	3,225

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : BAS PERCUMA SMART SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa kos keseluruhan untuk mengendalikan Bas Smart Selangor sehingga 30 Oktober 2017?
- b) Berapakah pecahan tanggungan kos Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan?
- c) Berapa laluan Bas Smart Selangor setakat ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

- 1. Sejak diperkenalkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 September 2017, kos keseluruhan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor telah mencecah sebanyak **RM43juta**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM34juta adalah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri manakala sebanyak RM9juta adalah kos yang dibiayai oleh PBT.
 - 2. Butiran terperinci pecahan tanggungan kos mengikut tahun dan PBT adalah seperti di **Lampiran A**:
- c) Sejak diperkenalkan, Bas Smart Selangor mempunyai 30 laluan di sebelas kawasan PBT, kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang mempunyai 4 laluan bas percuma PJCityBus.

LAMPIRAN A**BUTIRAN PECAHAN TANGGUNGAN KOS OLEH KERAJAAN NEGERI DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENGIKUT TAHUN**

(a) **Tahun 2015 : RM3.5juta** (ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri)

Bil.	PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majli Bandaraya Shah Alam	RM1,266,064.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM1,266,064.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	RM 949,584.00
JUMLAH		RM3,481,712.00

(b) **Tahun 2016 : RM11.4 juta** (ditanggung Kerajaan Negeri)
: RM 3.1 juta (dibiayai oleh PBT)

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM1,894,008.00	RM 1,886,800.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM1,252,920.00	RM 1,886,800.00
3.	Majlis Perbandaran Klang		RM 691,650.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya		RM 1,266,064.00
5.	Majlis Perbandaran Kajang		RM 1,266,064.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang		RM 1,250,796.00
7.	Majlis Perbandaran Sepang		RM 625,400.00
8.	Majlis Daerah Kuala Langat		RM 625,400.00
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor		RM 621,448.32
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam		RM 621,448.32
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor		RM 619,040.00
JUMLAH		RM3,146,928.00	RM11,360,910.64

(c) **Tahun 2017 : RM19 juta**
(penyambungan kontrak laluan sedia ada dan laluan baru yang ditanggung Kerajaan Negeri)
: RM 6 juta
(laluan baru yang dibiayai oleh PBT)

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM1,252,920.00	RM2,697,912.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM 626,460.00	RM2,085,020.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	RM 626,460.00	RM1,864,540.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	RM 939,690.00	RM2,491,000.00
5.	Majlis Perbandaran Kajang	RM 851,180.00	RM1,864,540.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang	RM 626,460.00	RM2,033,080.00
7.	Majlis Perbandaran Sepang	RM 939,690.00	RM1,976,582.00
8.	Majlis Daerah Kuala Langat		RM1,016,540.00
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor		RM 989,404.00
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam		RM 699,918.00
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor		RM 925,592.00
JUMLAH		RM 5,862,860.00	RM 18,644,128.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : BANTUAN MEMBAIKI RUMAH

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai kerajaan yang prihatin, apakah Kerajaan Negeri mempunyai tabung atau peruntukan untuk membiayai pemohon-pemohon yang ingin membaiki rumah yang buruk atau kerana bencana alam?
- b) Berapa banyakkah bantuan seumpama itu yang telah diberikan dan berapakah jumlah pemohon atau penerima sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin berperanan untuk membantu keluarga yang miskin dan kurang berkemampuan bagi mendapatkan sebuah rumah yang selesa dan selamat untuk didiami. Bantuan ini termasuklah membina baru atau membaiki rumah pemohon yang mengalami kerosakan yang serius akibat bencana alam atau kebakaran namun tertakluk kepada syarat-syarat yang sedang berkuat kuasa sepertimana di Lampiran.

Di bawah program ini, terdapat dua jenis bantuan iaitu bina baru sebuah rumah 3 bilik yang berkeluasan 660 kaki persegi dengan kos sebanyak RM50,000.00 bagi seunit rumah dan bantuan baik pulih rumah dengan kos tidak melebihi RM20,000.00 bergantung kepada kerosakan yang dialami.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi tahun 2017 dan juga menerima sumbangan daripada Anak – anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk menikmati rumah yang selesa dan selamat untuk didiami.

- b) Senarai pemohon yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2014 sehingga 2017 adalah seperti di LAMPIRAN.

LAMPIRAN

JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN
2014 – 2017

TAHUN DAERAH	2014		2015		2016		2017		JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
KLANG	1	1	9	5	-	-	-	-	16
PETALING	-	-	4	3	-	-	1	-	8
KUALA LANGAT	1	-	9	11	-	3	8	12	44
HULU LANGAT	7	3	3	4	1	4	-	-	22
SABAK BERNAM	13	39	-	-	-	5	2	21	80
KUALA SELANGOR	12	22	-	8	-	3	5	10	60
GOMBAK	2	7	5	5	-	2	6	14	41
HULU SELANGOR	-	-	3	7	1	9	1	1	22
SEPANG	12	10	-	-	-	8	-	-	30
JUMLAH KESELURUHAN	48	82	33	43	2	34	23	58	323

PETUNJUK	JUMLAH
BB - Bina Baru	106
BP - Baikpulih	217
Jumlah keseluruhan	323

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Dasar Belia serta pelan tindakan pembangunan belia berkesan?
- b) Berapakah tokoh belia di Selangor dalam bidang industri keusahawanan, sukan, pendidikan, sains dan teknologi dan kebudayaan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor memandangkan lebih lima puluh peratus (50%) populasi rakyat Selangor adalah di kalangan generasi muda. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2014 sebagai panduan kepada Pembangunan Generasi Muda di Selangor. Melalui Dasar Belia Selangor, 10 teras telah diwujudkan iaitu Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Spiritualiti dan Pengantarabangsaan. Justeru, program-program Pembangunan Generasi Muda telah dilaksanakan berdasarkan teras-teras tersebut.

Justeru itu, hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan belia di Selangor dizahirkan dengan penubuhan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sejak tahun 2009. PeBT bertindak sebagai ejen dan jentera pelaksana agenda Kerajaan Negeri dalam merealisasikan dasar - dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi. Pelbagai aktiviti dan program pembangunan belia telah dilaksanakan sebanyak 419 program berdasarkan 10 teras tersebut iaitu sebanyak 137 program telah dianjurkan di bawah Teras Sukan & Kecergasan, 129 program di bawah Teras Kemasyarakatan, Jaringan Komuniti & Kesukarelawanan, 80 program di bawah Teras Agama dan Akhlak dan 73 program di bawah Teras Kesejahteraan dan Kesihatan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan akan memulakan satu inisiatif baru iaitu Sahabat Gen-S. Sahabat Gen-S yang akan diperkenalkan bertujuan untuk menarik penglibatan Generasi Muda terutamanya di Selangor dalam bentuk

kesukarelawanan dan aktiviti kemasyarakatan selaras dengan Dasar Belia Selangor. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk mendidik dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan generasi muda untuk sentiasa memberi khidmat kepada rakyat Selangor secara sukarela.

- b) Untuk makluman buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai tokoh belia di dalam semua bidang seperti bidang industri keusahawanan, sukan, pendidikan, sains dan teknologi dan kebudayaan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dipertimbangkan pada masa akan datang sebagai pengiktirafan kepada golongan belia yang telah memberi sumbangan kepada pembangunan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : INISIATIF SKIM PEDULI SIHAT

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah klinik yang telah mendaftar di bawah skim Peduli Sihat mengikut DUN?
- b) Apakah kekangan yang menyebabkan sebahagian kawasan mempunyai jumlah klinik yang amat kecil?
- c) Apakah ada panduan harga siling rawatan dan ubatan kepada panel klinik bagi setiap rawatan RM50?

JAWAPAN:

- a) Jumlah klinik yang telah mendaftar di bawah Skim Peduli Sihat sehingga 20 Oktober 2017 adalah sebanyak 869 klinik. Pecahan mengikut Dewan Negeri adalah seperti berikut:

NO	DEWAN NEGERI	JUMLAH KLINIK
1	SUNGAI AIR TAWAR - N01	-
2	SABAK - N02	2
3	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	SEKINCHAN - N04	2
5	HULU BERNAM - N05	2
6	KUALA KUBU BAHARU - N06	6
7	BATANG KALI - N07	12
8	SUNGAI BURONG - N08	2
9	PERMATANG - N09	4
10	BUKIT MELAWATI - N10	3
11	IJOK - N11	3
12	JERAM - N12	9
13	KUANG - N13	5
14	RAWANG - N14	26
15	TAMAN TEMPLER - N15	12
16	BATU CAVES - N16	15
17	GOMBAK SETIA - N17	7

No	DEWAN NEGERI	JUMLAH KLINIK
18	HULU KELANG - N18	2
19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	3
20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	CHEMPAKA - N21	6
22	TERATAI - N22	3
23	DUSUN TUA - N23	7
24	SEMENYIH - N24	15
25	KAJANG - N25	33
26	BANGI - N26	25
27	BALAKONG - N27	10
28	SERI KEMBANGAN - N28	22
29	SERI SERDANG - N29	14
30	KINRARA - N30	33
31	SUBANG JAYA - N31	28
32	SERI SETIA - N32	18
33	TAMAN MEDAN - N33	15
34	BUKIT GASING - N34	7
35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	DAMANSARA UTAMA - N36	12
37	BUKIT LANJAN - N37	7
38	PAYA JARAS - N38	14
39	KOTA DAMANSARA - N39	24
40	KOTA ANGGERIK - N40	41
41	BATU TIGA - N41	29
42	MERU - N42	17
43	SEMENTA - N43	12
44	SUNGAI PINANG - N44	4
45	SELAT KLANG - N45	6
46	PELABUHAN KLANG - N46	25
47	PANDAMARAN - N47	6
48	KOTA ALAM SHAH - N48	7
49	SERI ANDALAS - N49	31
50	SRI MUDA - N50	31
51	SIJANGKANG - N51	7
52	TELOK DATOK - N52	10
53	MORIB - N53	7
54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	DENGKIL - N55	13
56	SUNGAI PELEK - N56	7
57	NEGERI- NEGERI LAIN	170
JUMLAH KESELURUHAN		869

- b) Kekangan yang menyebabkan sebahagian kawasan mempunyai jumlah klinik yang amat kecil adalah seperti berikut:
1. Klinik tidak mahu terikat dengan syarat - syarat dan terma di dalam kontrak Skim Peduli Sihat;
 2. Caj perkhidmatan klinik tidak menepati jadual fi yang ditetapkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA); dan
 3. Sesetengah kawasan Dewan Negeri tidak mempunyai klinik, contohnya seperti Dewan Negeri Sungai Air tawar.
- c) Dari segi panduan, Kerajaan Negeri menetapkan bahawa sebarang caj yang dikenakan oleh klinik kepada pesakit hendaklah berdasarkan jadual fi yang ditetapkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN DALAM NEGERI SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jalan-jalan persekutuan dalam Negeri Selangor dan syarikat konsesi yang menyelenggarakan serta tempoh kontrak mengikut pecahan daerah.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan Kementerian Kerja Raya untuk jalan persekutuan dalam Selangor bagi tahun 2008-2017.
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor boleh menaik tarafkan Jalan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Senarai Jalan-Jalan Persekutuan dalam Negeri Selangor adalah seperti **Lampiran A**. Syarikat Konsesi yang bertanggungjawab menyelenggara jalan-jalan persekutuan adalah Roadcare Sdn. Bhd. dengan tempoh kontrak selama 2 tahun sehingga Februari 2018 bagi semua daerah.
- b) Jumlah peruntukan Kementerian Kerja Raya untuk jalan persekutuan dalam Selangor bagi tahun 2008-2017 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)
1.	2011	75,839,325.45
2.	2012	112,052,004.37
3.	2013	88,890,579.55
4.	2014	99,110,736.84
5.	2015	91,396,998.85
6.	2016	85,544,667.58
7.	2017	161,021,421.46
Jumlah Keseluruhan		<u>713,855,734.10</u>

- c) Kerajaan Negeri Selangor boleh menaik taraf Jalan Persekutuan atas persetujuan bersama kedua-dua pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Akta Jalan Persekutuan.

NEGERI SELANGOR

Bil.	No. Laluan	Negeri	Nama Laluan	Panjang Warta (km)
1	1	Selangor	JALAN KUALA LUMPUR-SEREMBAN	30.93
2	1	Selangor	JALAN KUALA LUMPUR - TANJUNG MALIM	65.91
3	2	Selangor	LEBUHRAYA PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR - PELABUHAN KLANG)	34.59
4	-	Selangor	JALAN SUSUR SELARI DENGAN JALANRAYA KLANG - PEL. KLANG (SEB UTARA)	5.43
5	-	Selangor	JALAN SUSUR SELARI DENGAN JALANRAYA KLANG - PEL. KLANG (SEB SELATAN)	5.51
6	5	Selangor	JALAN KLANG-SEPANG	88.50
7	5	Selangor	JALAN KLANG-SABAK BERNAM	112.87
8	20	Selangor	JALAN PINTAS SELAT KLANG UTARA (PERSIARAN SULTAN HISHAMUDDIN)	8.00
9	54	Selangor	JALAN KEPONG-KUALA SELANGOR	45.60
10	55	Selangor	JALAN KUALA KUBU BARU-GAP	32.45
11	68	Selangor	JALAN KUALA LUMPUR-BENTONG (JALAN BENTONG LAMA)	25.79
12	103	Selangor	JALAN MENUJU KE PELABUHAN KLANG UTARA (JALAN VANTOORAN), KLANG	4.43
13	15	Selangor	JALAN SUBANG-SUNGGAI BULOH	21.82
14	190	Selangor	JALAN KOTA RAJA, JALAN KEBUN DAN JALAN BUKIT KEMUNING	17.00
15	26	Selangor	LEBUHRAYA KLIA	5.50
16	27	Selangor	JALAN PEKELILING KLIA	20.00
17	182	Selangor	JALAN KLIA 1	5.20
18	180	Selangor	JALAN PELABUHAN UTARA - PELABUHAN BARAT	4.40
19	181	Selangor	LEBUHRAYA PULAU INDAH	17.70
20	29	Selangor	LEBUH RAYA DAMANSARA PUCHONG - PUTRAJAYA DAN CYBERJAYA	9.86
21	29	Selangor	LEBUH RAYA DAMANSARA PUCHONG - PUTRAJAYA DAN CYBERJAYA	11.40
22	28	Selangor	JALAN IPOH-JALAN PINTAS BATU CAVES-PERSIMPANGAN BERTINGKAT KL-KARAK-TAMAN MELATI	7.84
23	28	Selangor	JALAN TAMAN MELATI-GENTING KLANG-JAMBATAN SG. AMPANG	6.50
24	28	Selangor	JAMBATAN SG. AMPANG-JALAN JUJUR-JAMBATAN SG. KERAYONG	4.14
25	28	Selangor	JALAN SELAYANG-KEPONG/PERSIMPANGAN SRI DAMANSARA	1.58
26	217	Selangor	JALAN PUCHONG - SG. BESI	4.30
27	-	Selangor	JALAN PINTAS KAJANG	2.70
28	228	Selangor	JALAN BUKIT TAGAR	7.90
29	214	Selangor	JALAN PUTRAJAYA DENGKIL	3.50
30	31	Selangor	JALAN BANTING-SEMENYIH	45.80
31	32	Selangor	JALAN LABOHAN DAGANG - NILAI	20.00
32	248	Selangor	JALAN BUKIT CHANGGANG	2.60
33	1205	Selangor	SG. TENGI	10.45
34	1206	Selangor	KG. SOEHARTO	8.24
35	1207	Selangor	GEDANGSA	10.36
36	1208	Selangor	SG. BUAYA	6.39
37	1209	Selangor	SG.TENGI SELATAN	6.93
38	1210	Selangor	BUKIT CERAHAH 1 & 2	6.00
39	3205	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN KALUMPANG	0.40
40	3206	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BATANG KALI	0.95
41	3207	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU 30	1.35
42	3208	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT BERUNTUNG/SKC RASA	10.60
43	3209	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN RAWANG	3.10
44	3210	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN HULU LANGAT	17.60
45	3211	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN BALAKONG	8.00
46	3212	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN PKNS BERANANG	4.90
47	3213	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN GLENMARIE	5.60
48	3214	Selangor	SG. BULOH, BATU 3, HICOM PUCHONG DAN SERDANG	38.70
49	3215	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN SERI KEMBANGAN	9.40
50	3216	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN SG RASAH / BATU 3 LAMA	4.70
51	3217	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN MERU	17.80
52	3218	Selangor	JALAN MASUK KE KAWASAN PERINDUSTRIAN PANDAMARAN	12.15
53	3219	Selangor	JALAN MASUK KG. TIMAH SKC, BUKIT BERUNTUNG	2.32
54	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF JALAN KLANG LAMA, PETALING	0.10
55	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF JALAN SUNGAI BESI, PETALING	4.96
56	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF JALAN KUANG, GOMBAK	1.06
57	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF KLANG	0.60
58	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN PENERIMA RADIO TELEKOM SUNGAI LANG, KUALA LANGAT	4.24
59	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF DAN GELOMBANG MIKRO, KUALA SELANGOR	4.24
60	-	Selangor	JALAN MASUK KE STESEN VHF DAN GELOMBANG MIKRO, HULU SELANGOR	1.80
61	341	Selangor	JALAN MASJID KLIA	0.50
62	342	Selangor	JALAN PEKELILING 2	2.80
63	343	Selangor	JALAN PEKELILING 4	0.50
64	344	Selangor	JALAN KUARTERS KLIA	4.20
65	345	Selangor	JALAN MASUK KE HOSPITAL SERDANG	2.805
JUMLAH				893.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GENERASI KEDUA FELDA

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah projek perumahan generasi Felda Soeharto tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri sedangkan projek ini membantu generasi kedua memiliki rumah?
- b) Mengapakah Kerajaan Negeri belum melaksanakan kerja pembinaan rumah generasi Felda Sg. Tenggi Selatan sedangkan majlis pecah tanah telah lama dijalankan?

JAWAPAN:

- a) Tiada kaitan.
- b) Projek perumahan generasi kedua Felda Sg. Tenggi Selatan, Daerah Hulu Selangor adalah merupakan sebuah projek inisiatif Kerajaan Negeri yang dimajukan oleh PKNS. Projek ini meliputi pembangunan sejumlah 136 unit Rumah Berkembar Satu Tingkat yang mana Kerajaan Negeri akan membiayai sepenuhnya kos pembangunan infrastruktur yang dianggarkan berjumlah RM7.65 juta.

Berikut adalah status semasa dan sasaran bagi kelulusan yang berkaitan dengan cadangan pembangunan perumahan generasi kedua Felda Sg. Tenggi Selatan :

- i. Kontrak projek ini telah ditawarkan kepada TTK Enterprise Sdn. Bhd melalui Surat Setuju Terima Tender bertarikh 15 September 2016 dengan penyerahan tapak telah dibuat pada 30 September 2016.
- ii. Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Bersyarat telah diperolehi dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada 05 Mei 2017.
- iii. Kelulusan KM Penuh dari MDHS telah diperolehi pada 12 September 2017.
- iv. Permohonan kelulusan Pelan Pra-Hitungan telah dikemukakan ke MDHS pada 02 Oktober 2017 dan dalam tindakan MDHS.
- v. Permohonan kelulusan Pelan Kerja Tanah serta Pelan Jalan & Perparitan telah dikemukakan ke MDHS pada 20 Oktober 2017 dan dalam tindakan MDHS.

- vi. Permohonan kelulusan bangunan telah dikemukakan ke MDHS pada 19 Oktober 2017 dan dalam tindakan semakan dan kelulusan MDHS.
- vii. Permohonan permit bangunan sementara telah dikemukakan ke MDHS pada 19 Oktober 2017 dan dalam tindakan semakan dan kelulusan MDHS.
- viii. Kerja-kerja pembersihan tapak telah dimulakan kontraktor pada 03 Ogos 2017 dan telah disiapkan pada 18 Ogos 2017.
- ix. Sasaran untuk kerja pembinaan dimulakan di tapak adalah pada akhir November 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KERJA PEMBINAAN 8 UNIT TOKONG DI JALAN BUKIT KERAYONG,
PELABUHAN KLANG**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. masih belum membina 8 unit tokong di Jalan Bukit Kerayong, Pelabuhan Klang disebabkan tanah berkenaan belum digazetkan sebagai tanah rumah ibadat. Bila ianya akan digazetkan?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan perkara ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor (HESI) Bil.5/2017 yang diadakan pada 26 September 2017 telah bersetuju untuk menyokong permohonan pewartaan perizapan tanah tersebut kepada empat (4) persatuan keagamaan iaitu:

- i) Persatuan Penganut Dewa Khong Hock Kong Pelabuhan Klang;
- ii) Persatuan Penganut Dewa Kwang Poh Klang;
- iii) Persatuan Penganut Dewa Guan Shi Miao Pelabuhan Klang; dan
- iv) Persatuan Penganut Dewa Lam Suah Keng Klang

Terdapat 4 plot kosong bagi tujuan Rumah Ibadat Selain Islam untuk penempatan semula tokong di sekitar Pandamaran. Permohonan tersebut adalah dalam tindakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MENAIKTARAF JAMBATAN DAN MELEBARKAN JALAN KE TAPAK
PERKUBURAN CINA DI KG BAHAGIA BUKIT LAGONG, MUKIM
BATU, DAERAH GOMBAK**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan bersedia membina jambatan di tanah perkuburan cina di Kg. Bahagia Bukit Lagong, Mukim Batu, Daerah Gombak untuk kemudahan pengurusan pengebumian ?

JAWAPAN:

- a) Jambatan yang dimaksudkan berada di bawah penyeliaan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Secara dasarnya, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak tiada halangan untuk pembinaan jambatan tersebut dilaksanakan lanjutan daripada permohonan Pertubuhan Perkuburan Cina Kepong, Jinjang dan Kg. Batu pada Disember 2016 yang menyatakan hasrat untuk membina jambatan itu dengan menggunakan peruntukan sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : POTENSI PENDIDIKAN

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan potensi pendidikan anak-anak Selangor, dan menarik lebih ramai pelajar khususnya bagi institusi UNISEL dan KUIS?
- b) Berapakah jumlah pelajar di kedua-dua institusi berkenaan?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan setakat ini?

JAWAPAN:

- a) 1. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkat potensi pendidikan anak-anak Selangor dengan bekerjasama dengan pelbagai pihak. Bagi menggalakkan anak-anak Selangor melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai bantuan seperti Hadiah Masuk Universiti (HPIPT) sebanyak RM1,000.00 dan pinjaman pelajaran tanpa faedah bagi yang berkelayakan untuk meningkatkan tahap pendidikan di kalangan anak Selangor.
2. Selain itu, kerjasama erat di antara Kerajaan negeri dengan *Selangor Human Resource Development Center (SHRDC)* serta turut menjalinkan kerjasama secara langsung dengan pihak industri di Selangor bagi memperkasa para graduan daripada institusi pengajian tinggi di bawah kerajaan negeri. Pelaksanaan program seperti *Big Data Analytics, Cloud Computing, Automation System, Internet of Things (IoT) dan Smart Manufacturing* merupakan antara program yang telah dijalankan di UNISEL untuk meningkatkan kemahiran dan keboleh pasaran para graduan.
3. Untuk menarik lebih ramai pelajar menyambung pengajian di UNISEL dan KUIS, pelbagai usaha telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan kedua-dua institusi ini. Program Derma Siswa yang bermula Januari 2016 merupakan satu inisiatif yang telah dibuat bagi menarik pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke UNISEL bagi pengajian tahun asas. Sehingga kini sebanyak 623 telah

menerima manfaat daripada program derma siswa ini.

4. Hari terbuka universiti juga merupakan inisiatif yang dilakukan oleh UNISEL bagi memperkenalkan UNISEL kepada masyarakat dengan penganjuran pelbagai aktiviti dan pameran dan penerangan daripada setiap fakulti di dalam UNISEL.
5. Manakala usaha bagi meningkatkan kemasukan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menubuhkan Sekretariat Pemasaran dengan pelaksanaan aktiviti sepanjang tahun bagi mempromosi KUIS kepada masyarakat. Antara program yang dijalankan ialah Gerak Gempur pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga program motivasi di sekolah. Selain itu, penggunaan media massa dan media cetak dalam pengiklanan juga dipergiatkan dengan jalinan kerjasama di antara KUIS dengan Karang kraf dan Utusan Karya. Perlaksanaan program jelajah ke seluruh negara bagi memperkenalkan KUIS kepada masyarakat juga dilaksanakan dengan melibatkan pensyarah dan kakitangan KUIS secara keseluruhannya.
6. Di samping itu, penganjuran Program Bakti Siswa juga merupakan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dengan melibatkan mahasiswa dan pentadbir universiti untuk melaksanakan program kemasyarakatan seperti gotong-royong, perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma dan program motivasi pelajar. Hal ini secara langsung dapat mempromosikan institusi pengajian di bawah kerajaan negeri kepada masyarakat serta dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai kehidupan sebenar di dunia luar.
7. Program Jelajah IPT yang melibatkan pelajar-pelajar Program Tuisyen Rakyat (PTRS) dengan aktiviti lawatan sambil belajar ke UNISEL dan KUIS untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkaitan bidang yang ditawarkan serta peluang-peluang untuk melanjutkan pengajian dan hal ini secara tidak langsung dapat mempromosikan kedua-dua IPT tersebut kepada mereka.
8. Oleh itu, dengan kerjasama semua pihak diharap usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi di bawah kerajaan negeri malah dapat meningkat kualiti pendidikan di Negeri Selangor seterus dapat melahirkan modal insan yang berkualiti seiring dengan pembangunan Negeri Selangor.

- b) Jumlah pelajar yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) ialah seramai 9,438 orang manakala jumlah pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebanyak 9,567 orang dan jumlah keseluruhan bagi kedua-dua institusi ini ialah 19,005 pelajar.
- c) 1. Dalam usaha meningkat kualiti pendidikan tinggi di Selangor setaraf dengan negara maju sejumlah peruntukan kepada UNISEL telah diperuntukkan dengan geran sebanyak RM21.5 juta serta pinjaman sehingga Oktober 2017 ialah sebanyak RM36.2 juta dan jumlah keseluruhan sebanyak RM57.7 juta.
2. Peruntukkan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berjumlah RM8 juta sebagai geran dan pinjaman sebanyak RM48.5 juta dan jumlah keseluruhan ialah RM56.5 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci semua PPR yang terdapat di Selangor sehingga kini?
- b) Nyatakan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ke atas PPR tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Selangor terdapat 4 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diuruskan oleh agensi-agensi berikut:

Bil.	Projek	Lokasi	Bil. Unit	Agensi
1.	PPR Kg. Baru Hicom	Seksyen 26, Shah Alam	980	PHSSB
2.	PPR Taman Tasik Teratai	Serendah, Hulu Selangor	300	PHSSB
3.	PPR Kota Damansara	Kota Damansara	1152	PHSSB
4.	PPR Lembah Subang 1	Petaling Jaya	3004	MBPJ
Jumlah			5436	

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bagi PPR Kg. Baru Hicom, PPR Taman Tasik Teratai dan PPR Kota Damansara ianya diuruskan oleh agensi Kerajaan Negeri iaitu anak syarikat Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB). PHSSB bertanggungjawab menguruskan kemasukan penyewa dan kutipan sewa di PPR tersebut serta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan di PPR tersebut. Manakala bagi PPR Lembah Subang 1, ianya diuruskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi kemasukan penyewa dan kutipan sewa serta melaksanakan kerja-kerja pembersihan bangunan di PPR tersebut.

Semenjak Kerajaan Negeri diberi tanggungjawab dalam pengurusan PPR tersebut, tidak terdapat *Standard Operating Procedure* (SOP) yang jelas dalam

menetapkan bidang kuasa masing-masing. Ketika itu, Kerajaan Negeri telahpun menerima tanggungjawab pengurusan penyenggaraan PPR demi menjaga kepentingan rakyat walaupun tapak pembangunan PPR Lembah Subang 1 dan PPR Taman Tasik Teratai adalah kepunyaan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ianya diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk urusan penyewaan dan penyenggaraan melalui kutipan sewa. Walau bagaimanapun kutipan sewaan untuk kedua-dua PPR ini ialah dalam lingkungan 45% sahaja dan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa membelanjakan peruntukan tambahan. Bagi PPR Lembah Subang 1, Kerajaan Negeri melalui MBPJ telah membelanjakan lebih RM60 juta. Manakala PPR Taman Tasik Teratai, semenjak diambil alih oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. didapati kutipan dalam lingkungan 98%. Dengan kutipan sebegitu pun, pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor masih perlu mengeluarkan peruntukan tambahan dengan anggaran melebihi RM130,000.00 setahun untuk pembaikan, pembersihan, keselamatan dan sebagainya. Sewajarnya Kerajaan Persekutuan membiayai kos-kos pembaikan kerosakan di kedua-dua PPR tersebut memandangkan mereka adalah pemilik sementara Kerajaan Negeri bertanggungjawab dalam menguruskan kos penyenggaraan seperti pembersihan, pembaikan kecil dan keselamatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INDUSTRI AIR NEGERI SELANGOR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan pembelian SPLASH?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan pengambilalihan industri air di Negeri Selangor dari pemegang konsesi?

JAWAPAN:

Rujuk Hansard

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PERUNTUKAN 15 JUTA BAGI MENAIK TARAF BALAI RAYA

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah balai raya mengikut daerah yang telah dinaiktaraf?
- b) Apakah pertimbangan pihak kerajaan untuk menaik taraf balai raya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri peka dengan kepentingan pembangunan luar bandar supaya ia seiring dengan pembangunan di bandar. Selaras dengan hasrat tersebut, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan luar bandar berjumlah RM10 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur kemudahan awam dan asas luar bandar seperti dewan serba guna dan balai raya yang dilaksanakan oleh sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah.

Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak 184 buah projek naik taraf dan baik pulih dewan dan balai raya berjumlah RM9.48 juta telah dibelanjakan dan pecahan mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut:

BIL	DAERAH	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PROJEK
1	Petaling	604,389.20	9
2	Klang	1,286,046.47	13
3	Gombak	813,974.10	20
4	Hulu Langat	1,084,338.80	15
5	Sepang	2,079,221.61	28
6	Kuala Langat	996,493.50	22
7	Kuala Selangor	863,980.14	11
8	Hulu Selangor	974,302.34	25
9	Sabak Bernam	785,016.42	41
JUMLAH		9,487,762.58	184

- b) Kerajaan Negeri mementingkan keselesaan dan kemudahan awam masyarakat luar bandar terutamanya balai raya dan dewan. Dalam hal ini, Pejabat Daerah dan Tanah mengemukakan permohonan bagi cadangan kerja baik pulih dan naik taraf dewan dan balai raya kepada Kerajaan Negeri yang lengkap berserta *Bill of Quantity* (BQ), laporan bergambar dan pengesahan status tanah bagi tujuan semakan dan pertimbangan kelulusan. Keutamaan diberi berdasarkan kepada keadaan sebenar di tapak yang mempunyai keperluan mendesak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PERATURAN PENGLIBATAN WANITA DALAM PERINGKAT PEMBUAT
KEPUTUSAN**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor memastikan dasar minima 30% pembuat keputusan adalah wanita?
- b) Bagaimana memastikan jabatan-jabatan dan PBT melaksanakan dasar ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor mengambil serius syor dan deklarasasi antarabangsa berkaitan hak-hak wanita yang dikemukakan oleh Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan *Beijing Platform of Action*. Deklarasi antarabangsa ini memberi penegasan dalam aspek diskriminasi terhadap wanita serta agenda untuk menanganinya agar keadilan dapat diberikan secara saksama terhadap wanita dalam kehidupan dari segi aksesibiliti dan peluang sama rata dalam bidang kesihatan, pendidikan, ekonomi, politik, sosial dan proses pembuatan keputusan.

Walaupun Negeri Selangor mendahului antara semua negeri dengan 25% perwakilan wanita di Dewan Undangan Negeri, namun usaha untuk meningkatkan peratusan ini adalah diperlukan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan yang baru dilancarkan pada bulan Oktober 2017 yang lalu akan melaksanakan arahan dasar minima 30% wanita di peringkat pembuatan keputusan di peringkat Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan anak-anak syarikat berkaitan kerajaan dalam tempoh setahun seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah dan sentiasa menerapkan advokasi dan kesedaran akan kepentingan sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan sejak 2008 lagi. Antara usaha yang telah dijalankan bagi tujuan ini adalah :-

- i. Konvensyen Kepimpinan Wanita tahun 2014 – *Wanita Mandiri, Pembangunan Lestari*;
- ii. Konvensyen Kepimpinan Wanita tahun 2016 – *Sustainable Development Goals, No One Left Behind*;
- iii. Program Kefahaman Gender;

- iv. Pelancaran Kempen #HeForShe;
- v. Pelancaran HeForShe Club; dan
- vi. Majlis Ramah Mesra YB Exco dengan Ketua-ketua Jabatan Wanita

Kedudukan wanita dalam politik juga harus dipertingkatkan. Oleh itu, satu seminar berkaitan *Gender Electoral Reform* akan dilaksanakan pada penghujung November 2017 ini sebagai salah satu langkah dan usaha Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklum balas serta resolusi yang konkrit bagi mempercepatkan peningkatan perwakilan wanita dalam Dewan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai peminjam di bawah Hijrah Selangor? Apakah kadar bayaran balik terkini dan peratusan peminjam yang gagal mematuhi jadual waktu membayar balik?
- b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Hijrah Selangor sekiranya penunggak tegar masih enggan membayar?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 30 September 2017, Hijrah Selangor telah melahirkan seramai 32,061 bilangan peserta dengan pengeluaran pinjaman sebanyak 43,441 pinjaman . Peratus bayar balik hijrah Selangor adalah 85%. Sebanyak 15% peminjam yang gagal mematuhi jadual bayar balik. (Bayaran balik masih dibuat tetapi tidak mengikut jadual bayar balik yang ditetapkan.
- b) Pihak Hijrah Selangor telah mengambil langkah berikut kepada peserta yang gagal melunaskan pinjaman mengikut jadual.
 - 1. Memberikan surat amaran kepada peserta
 - 2. Program Task Force Bersepadu oleh kakitangan Hijrah Selangor
 - 3. Mewujudkan Unit *Call Centre* di peringkat cawangan dan ibu pejabat
 - 4. Memberikan peringatan berkaitan tunggakan melalui *Blast Message*
 - 5. Setelah tamat tempoh bayaran balik, nama penunggak tegar akan diserahkan kepada agen pengutip hutang yang dilantik.